

Syor gayakan busana tradisi di luar negara

Kuala Lumpur: Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali menyaran-kan wanita Malaysia di luar negara mengenakan pakaian tradisi pada majlis rasmi sebagai tanda sokongan kepada produk tempatan.

Isteri Perdana Menteri ber-ka-ta, persalinan baju kebang-saan daripada fabrik batik, su-tera atau songket disaluti re-kaan mewah adalah identiti bangsa dikagumi rakyat asing.

“Pakaian tradisi kita dikagumi ramai, terutama jenis fabrik ba-tik, sutera dan songket. Sejak dahulu, saya galakkan kakita-ngan wanita bertugas di luar negara memakai baju kurung dan kebaya pada acara rasmi.

“Walaupun ada yang meniru rekaan kita, keaslian dan ke-unikan fabrik kebanggaan Ma-laysia tetap dikenali,” katanya selepas melancarkan Rumah Budaya di Menara Kuala Lum-pur (MKL) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pe-gawai Eksekutif MKL, Datuk Rozlan Mohamed; Ketua Pen-garah Istana Budaya, Datuk Ju-hari Shaarani dan Ketua Pe-gawai Eksekutif Rumah Budaya, Erma Fatima.

[FOTO NURUL SYAZANA ROSE RAZMAN /BH]



Dr Siti Hasmah melihat koleksi pakaian tradisional selepas melancarkan Rumah Budaya di Menara Kuala Lumpur, semalam.